



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# PENGEKALAN IDENTITI BUDAYA DAN NILAI MURNI PELAJAR ORANG ASLI: SATU KAJIAN KES DI PIPOA KUALA ROMPIN PAHANG



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## PENGEKALAN IDENTITI BUDAYA DAN NILAI MURNI PELAJAR ORANG ASLI: SATU KAJIAN KES DI PIPOA KUALA ROMPIN PAHANG

MOHAMAD SUFAISUL BIN SHAMSUDIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (PENDIDIKAN MORAL)  
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 20.....(hari bulan) 09..... (bulan) 2019.....

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, MOHAMAD SUFAISUL BIN SHAMSUDIN (M20171000910) FSK (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGEKALAN IDENTITI BUDAYA DAN NILAI MURNI PELAJAR ORANG ASLI: SATU KAJIAN KES DI PIPOA KUALA ROMPIN PAHANG

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

---

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, DR. NOOR BANU BT MAHADIR NAIDU (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGEKALAN IDENTITI BUDAYA DAN NILAI MURNI PELAJAR ORANG ASLI: SATU KAJIAN KES DI PIPOA KUALA ROMPIN PAHANG

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA SASTERA PENDIDIKAN MORAL (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

---

Tarikh

---

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

PENGEKALAN IDENTITI BUDAYA DAN NILAI MURNI PELAJAR ORANG ASLI:

SATU KAJIAN KES DI PIPOA KUALA ROMPIN PAHANG

No. Matrik /Matic's No.:

M20171000910

Saya / I :

MOHAMAD SUFAISUL BIN SHAMSUDIN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.  
*The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.*
5. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /  
*Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. /  
*Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: \_\_\_\_\_

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmii / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*





## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang  
Selawat dan Salam Ke Atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya saya dapat menyempurnakan tesis ini. Tesis ini amat penting sebagai memenuhi syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera Pendidikan Moral daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Saya ingin merakamkan jutaan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Noor Banu Binti Mahadir Naidu selaku penyelia utama, Dr. Zuraini Binti Jamil @ Osman selaku pakar penilai instrumen yang telah banyak membantu saya dalam menyiapkan tesis ini. Segala bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang Doktor berikan sepanjang pengajian amatlah saya hargai.

Penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada pihak pengurusan Bahagian Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia, pihak pengurusan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, pihak pengurusan Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, pihak pengurusan Perpustakaan Negara Malaysia dan Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia kerana memberikan kerjasama dan komitmen yang baik untuk saya menyiapkan tesis ini dan mendapatkan bahan-bahan rujukan untuk tujuan penulisan tesis.

Ucapan penghargaan dan terima kasih ini saya tujukan kepada Ketua Unit PIPOA Encik Che Shamsuri Bin Dolah dan kakitangan pengurusan PIPOA kerana memberi dorongan dan sokongan padu kepada saya untuk menyempurnakan tesis ini. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada Cikgu Norhazima binti Mohd Maa'mon kerana banyak membantu dalam menyempurnakan tesis ini. Setiap nasihat, dorongan dan jasa baik akan saya ingati sehingga akhir hayat.

Akhirnya, ucapan penghargaan dan terima kasih ini saya tujukan kepada mak dan abah Hajjah Maimunah Binti Mohamad dan Haji Shamsudin Bin Omar, permata hati Muhammad Haris Umar dan Khadijah Safiya yang sentiasa memberikan semangat, nasihat dan inspirasi kepada saya untuk meneruskan pengajian sehingga berjaya. Hanya Allah sahaja yang dapat membalias segala jasa baik kalian.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

V

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menyelidiki pengekalan identiti budaya dan nilai murni dalam kalangan pelajar Orang Asli di Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) Kuala Rompin. Pelajar Orang Asli di Kuala Rompin ini terdiri daripada suku kaum Jakun, Jahut, Kuala dan Semai. Kajian ini melihat bagaimana aspek persekitaran khususnya peranan PIPOA sebagai pusat pendidikan menjadi medium untuk mengekalkan identiti budaya dan nilai murni pelajar Orang Asli. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Pemilihan responden kajian dijalankan secara persampelan bertujuan yang melibatkan 12 orang responden yang terdiri daripada 10 orang pelajar yang menetap di asrama PIPOA, seorang Ketua Unit PIPOA dan seorang GPK HEM SMK Rompin Permai. Dua jenis teknik pengumpulan data dalam pendekatan kualitatif iaitu teknik temu bual separa berstruktur dan teknik pemerhatian digunakan. Kaedah analisis data dalam kajian ini adalah kaedah tematik menggunakan perisian Nvivo. Hasil temu bual menunjukkan bahawa terdapat empat tema utama identiti budaya Orang Asli iaitu sewang, bahasa Orang Asli, tertib perbuatan dan bela kampung sebagai elemen budaya yang masih diamalkan oleh pelajar Orang Asli di PIPOA. Tiga sub-tema nilai murni yang wujud secara langsung dalam pengamalan budaya tersebut pula adalah mengekalkan tradisi keluarga, tanggungjawab terhadap keluarga dan kesederhanaan sebagai asas kepada pemupukan nilai murni pelajar di PIPOA. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa faktor persekitaran mikrosistem iaitu keluarga, institusi pendidikan seperti PIPOA dan rakan sebaya mendorong pengekalan identiti dan nilai murni pelajar Orang Asli di PIPOA. Justeru PIPOA bukan sahaja berperanan dalam mengekalkan aspek pencapaian akademik dan kecemerlangan namun juga berperanan sebagai pusat pengekalan identiti dan nilai murni masyarakat Orang Asli. Implikasi kajian mencadangkan bahawa pemerkasaan identiti dan nilai murni masyarakat Orang Asli boleh diwujudkan melalui institusi pendidikan formal seperti PIPOA di Malaysia.



05



pustaka.upsi.edu.my



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## PRESERVATION OF CULTURAL OF IDENTITY AND VALUES OF ORANG ASLI STUDENT AT PIPOA KUALA ROMPIN

### ABSTRACT

This study investigated the cultural identity and values preservation among the Orang Asli students in Pusat Intelek Orang Asli Kuala Rompin. The selected respondents were from the Jakun, Jahut, Kuala and Semai sub-ethnic Orang Asli group. This study explored how the environment aspect in particular referring to the PIPOA as academic institution promoting and preserving the cultural identity and values of the Orang Asli students. Qualitative approach with a case study design used in this study. Using a purposive sampling 10 Orang Asli students, a PIPOA Ketua Unit and a GPK HEM SMK Rompin Permai participated. A qualitative semi-structured and observation were used in this study. The data were analyzed using a thematic approach with Nvivo software and the findings were reported narratively. Interviews indicated that there were four themes of cultural identity of Orang Asli that were sewang, language, manners and bela kampung were practiced in their daily lives. Three sub-themes of values that were family traditions, duty towards family and modesty are among the core values as fundamental values cultivated among the students at PIPOA. The findings show that environment microsystem factors such as family, education institution like PIPOA and peers contributed to identity and values preservation among the Orang Asli students in PIPOA. Therefore PIPOA play a role as center of academic achievement and as cultural and values preservation of Orang Asli society. The implication of this research suggested that empowerment of Orang Asli identity and values could be achieved through formal education institution like PIPOA in Malaysia.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI GAMBAR</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>SENARAI RESPONDEN</b>	xvii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xviii

### BAB 1 PENGENALAN KAJIAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	11
1.4	Objektif Kajian	17





1.5	Persoalan Kajian	17
1.6	Kerangka Teoritikal Kajian	18
	Rasional Pemilihan Model Teori Ekologi Sebagai Kerangka Kajian	24
1.7	Kepentingan Kajian	28
1.8	Batasan Kajian	29
1.9	Definisi Operasional	30
1.10	Kesimpulan	35

## **BAB 2 PENDIDIKAN, BUDAYA DAN NILAI MURNI MASYARAKAT ORANG ASLI**



2.1	Pendahuluan	36
2.2	Pendidikan Membentuk Karakter Dalam Konteks Masyarakat Orang Asli	37
2.3	Budaya Tradisi Membentuk Identiti Dalam Konteks Masyarakat Orang Asli	42
2.4	Nilai Murni Membentuk Identiti Dalam Konteks Masyarakat Orang Asli	49
2.5	Kesimpulan	56

## **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	58
3.2	Reka Bentuk Kajian	59
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	68
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	81
3.5	Perancangan Mengurus Data Kajian	93



**BAB 4****PENGEKALAN IDENTITI BUDAYA DAN NILAI MURNI  
PELAJAR ORANG ASLI DI PIPOA**

4.1	Pendahuluan	114
-----	-------------	-----

4.2	Pengekalan Identiti Budaya Pelajar Orang Asli di PIPOA	117
-----	--	-----

	Sewang	119
--	--------	-----

	Bela Kampung	127
--	--------------	-----

	Bahasa Orang Asli	130
--	-------------------	-----

	Tertib Perbuatan	138
--	------------------	-----

4.3	Pengekalan Nilai Murni Pelajar Orang Asli di PIPOA	146
-----	--	-----

	Hemah Tinggi	150
--	--------------	-----

	Kesederhanaan	157
--	---------------	-----

	Tanggungjawab	163
--	---------------	-----

	Hidup Secara Aman	170
--	-------------------	-----

	Membantu dan Bekerjasama	177
--	--------------------------	-----

	Tanggungjawab Terhadap Keluarga	184
--	---------------------------------	-----

	Kekalkan Tradisi Keluarga	191
--	---------------------------	-----

4.4	Kesimpulan	197
-----	------------	-----





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

X

**BAB 5****PERBINCANGAN DAN RUMUSAN:  
PERANAN PIPOA DALAM MENGEKALKAN BUDAYA  
DAN NILAI MURNI PELAJAR ORANG ASLI**

5.1	Pendahuluan	200
5.2	Perbincangan dan Rumusan Dapatan Kajian	201
	Kepentingan Pengekalan Identiti Budaya dan Nilai Murni Pelajar Orang Asli di PIPOA	201
	Tanggungjawab Terhadap Keluarga	202
	Kekalkan Tradisi Keluarga	204
	Peranan PIPOA dalam Pengekalan Identiti Budaya dan Nilai Murni Pelajar Orang Asli	205
	Hemah Tinggi	206
	Kesederhanaan	207
	<b>Tertib Perbuatan</b>	<b>208</b>
	Pengaruh PIPOA dalam Pengekalan Identiti Budaya dan Nilai Murni Pelajar Orang Asli	210
	Sewang	211
	Bela Kampung	212
	Bahasa Orang Asli	214
	Penerimaan Pelajar Orang Asli Terhadap Peranan PIPOA dalam Pengekalan Identiti Budaya dan Nilai Murni	214
	Tanggungjawab	216
	Hidup Secara Aman	217
	Membantu dan Bekerjasama	218
5.3	Implikasi Kajian	219
5.4	Sumbangan kajian	225



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xi

5.5	Cadangan	228
5.6	Kesimpulan	232
<b>RUJUKAN</b>		234
<b>LAMPIRAN</b>		250



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Perangkaan Pelajar PIPOA tahun 2012 hingga 2018	7
1.2 Rumusan Pencapaian Keputusan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)	8
1.3 Penempatan Pelajar Lepasan PT3 PIPOA 2014-2017	9
3.1 Jenis Penyelidikan Kualitatif	62
3.2 Nama Sekolah dan Pelajar Pusat Intelek Orang Asli (PIPOA)	70
3.3 Responden Yang Terlibat Dengan Kajian Pengekalan Identiti Budaya dan Nilai Murni Pelajar Orang Asli di PIPOA	73
3.4 Nota Lapangan Bersama Krew RTM dan JAKOA	90
3.5 Data-Data Temu Bual Separa Berstruktur	102
3.6 Pengkodan Kategori Mengikut Topik	103
3.7 Tema-Tema Temu Bual Separa Berstruktur di PIPOA	109
4.1 Data Temu Bual Separa Berstruktur	115
4.2 Tema Pengekalan Budaya Pelajar Orang Asli di PIPOA	118
4.3 Kata Panggilan Pelajar di PIPOA	134
4.4 Nilai Murni Dan Penerangan	148





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kumpulan Kaum Utama dan Rumpun Bangsa (Etnik) Orang Asli di Semenanjung Malaysia	5
1.2 Model Teori Ekologi	19
1.3 Pengekalan Identiti Budaya dan Nilai Murni Pelajar Orang Asli di PIPOA Adaptasi Dari Teori Ekologi	22
1.4 Kerangka Konseptual Kajian	24
1.5 Kerangka Kerja Kajian	27
3.1 Reka Bentuk Kajian	63
3.2 Tema-Tema Awal Semasa Menginterpretasikan Data Transkrip Dan Nota Lapangan	106
3.3 Titik Tumpuan Awal Semasa Proses Pengkodan Responden	107
3.4 Proses Menyusun Atur Data Transkrip Menggunakan Aplikasi QSR NVivo 8	110
3.5 Analisis Akhir Transkrip Responden PIPOA	111
3.6 Carta Alir Analisis Data Kajian	112
4.1 Tema Daripada Analisis QSR NVivo 8	116
4.2 Data Analisis Sewang Pelajar Orang Asli PIPOA	120
4.3 Data Analisis Tema Bela Kampung Pelajar Orang Asli PIPOA	128
4.4 Data Analisis Tema Bahasa Orang Asli pelajar Orang Asli PIPOA	131
4.5 Data Analisis Tema Tertib Perbuatan Pelajar Orang Asli PIPOA	139
4.6 Data Analisis Nilai Murni Pelajar Orang Asli PIPOA	149





4.7	Data Analisis Nilai Murni Hemah Tinggi Pelajar Orang Asli PIPOA	151
4.8	Data Analisis Nilai Murni Kesederhanaan Pelajar Orang Asli PIPOA	158
4.9	Data Analisis Nilai Murni Tanggungjawab Pelajar Orang Asli PIPOA	165
4.10	Data Analisis Nilai Murni Hidup Secara Aman Pelajar Orang Asli PIPOA	172
4.11	Data Analisis Nilai Murni Membantu dan Bekerjasama Pelajar Orang Asli PIPOA	178
4.12	Data Analisis Nilai Murni Tanggungjawab Terhadap Keluarga Pelajar Orang Asli PIPOA	185
4.13	Data Analisis Nilai Murni Kekalkan Tradisi Keluarga Pelajar Orang Asli PIPOA	192
5.1	Implikasi Pengekalan Identiti Budaya dan Nilai Murni Pelajar Orang Asli di PIPOA	220





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV

## SENARAI GAMBAR

No. Gambar	Muka Surat
3.1 Borang Persetujuan	67
3.2 Peta Pusat Intelek Pelajar Orang Asli Kuala Rompin Pahang	81
3.3 Transkrip Responden	86
4.1 Tarian Sewang di PIPOA 1	126
4.2 Tarian Sewang di PIPOA 2	126



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xvi

## SENARAI SINGKATAN

BPK	Bahagian Perkembangan Kurikulum
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
GPK HEM	Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia
JERI	Jasmani Emosi Rohani dan Intelek
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PIPOA	Pusat Intelek Pelajar Orang Asli
PT3	Penilaian Tingkatan Tiga
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xvii

## SENARAI RESPONDEN

### Kod Responden

PIPOA 01

PIPOA 02

PIPOA 03

PIPOA 04

PIPOA 05

PIPOA 06

PIPOA 07

PIPOA 08

PIPOA 09

PIPOA 10

PIPOA 11

PIPOA 12

### Tempat Tinggal

Sungai Buloh Selangor

Batu Pahat Johor

Temerloh Pahang

Kuantan Pahang

Muar Johor

Muadzam Shah Pahang

Kuala Rompin Pahang

Batu Pahat Johor

Temerloh Pahang

Cameron Highland Pahang

Jeli Kelantan

Kuala Rompin Pahang



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI LAMPIRAN

- A Pengesahan Pembentangan Cadangan Penyelidikan Peringkat Sarjana
- B Kebenaran Menjalankan Kajian / Penyelidikan di Perkampungan Orang Asli
- C Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian di Sekolah, Institusi Pendidikan Guru, Jabatan Pendidikan Negeri Dan Bahagian Di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia
- D Pelantikan Sebagai Pakar Penilai Instrumen
- E Borang Pengesahan Pakar
- F Pengesahan Pelajar Untuk Membuat Penyelidikan
- G Transkripsi Temu Bual
- H1 Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) Daerah Kuala Rompin, Pahang
- H2 Pelajar Orang Asli PIPOA Menjalani Latihan Kawad Kaki
- H3 Pelajar Orang Asli PIPOA Menjalani Latihan Kawad Kaki
- H4 Pelajar Orang Asli PIPOA Mengambil Kelengkapan Peribadi
- H5 Pelajar Orang Asli PIPOA Menjalankan Aktiviti Gotong-Royong
- H6 Kelas Tambahan Tingkatan Tiga
- H7 Kelas Tambahan Tingkatan Dua dan Satu
- H8 Perhimpunan Pagi Sebelum ke Sekolah
- H9 Bilik Kediaman Pelajar Tingkatan Dua dan Tiga PIPOA
- H10 Bilik Kediaman Pelajar Tingkatan Satu PIPOA
- H11 Minum Petang Pelajar Orang Asli di PIPOA
- H12 Makan Malam Pelajar Orang Asli di PIPOA
- H13 Program Motivasi Pelajar Orang Asli di PIPOA
- H14 Program Motivasi Pelajar Orang Asli di PIPOA
- H15 Latihan Zumba dan Aerobik
- H16 Lawatan Bersama Kakitangan JAKOA ke Rumah Pelajar PIPOA
- H17 Pelajar Orang Asli PIPOA di SMK Rompin Permai





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
xix

- H18 Pelajar Orang Asli PIPOA di SMK Rompin Permai
  - H19 Pelajar Orang Asli PIPOA di SMK Rompin Permai
  - H20 Penyelidik Bersama Pelajar-Pelajar Orang Asli PIPOA
- I1 Surat Persetujuan Adam Muqrish Bin Abdul Aziz
  - I2 Surat Persetujuan Al-Nazirul Mubin Bin Azerbaijan
  - I3 Surat Persetujuan Faizal A/L Amri
  - I4 Surat Persetujuan Fatin Izaati Binti Isa
  - I5 Surat Persetujuan Nurul Izaati Binti Noorli
  - I6 Surat Persetujuan Nurul Sakinah Binti Hashim Leng
  - I7 Surat Persetujuan Prihatini A/P Cumat
  - I8 Surat Persetujuan Razan Binti Azerbaijan
  - I9 Surat Persetujuan Faizal A/L Amri
  - I10 Surat Persetujuan Sitiwena A/P Jamaludin
  - I11 Surat Persetujuan Mohd Asri Bin Hassan
  - I12 Surat Persetujuan Che Shamsuri Bin Dolah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN KAJIAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Identiti adalah sifat atau ciri yang terdapat pada seseorang serta memperkenalkannya dan juga mengasingkannya daripada yang lain (Asnarulkhadi Abu Samah & Hamsan, 2016). Bagi masyarakat Orang Asli pula, identiti ialah kepelbagaian jenis adat budaya, pantang larang, kepercayaan, amalan kesihatan dan nilai hidup yang membentuk jati diri masyarakat Orang Asli (Faezah Kassim, Abd. Wahid Jais, Zamre Abu Hassan, 2017). Selain daripada itu masyarakat Orang Asli juga diketahui mempunyai budaya dan nilai yang harmoni sesama manusia dan alam persekitaran mereka (Mohammad Aslam & Abdullah, 2004).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Namun kepantasaran arus globalisasi yang meliputi pembangunan dan teknologi memberi kesan kepada budaya dan nilai tradisi masyarakat Orang Asli (Wee, Maryati Mohamed, Mohd Nur Syufaat, Zainal Zulhilmi, & Siti Aminah, 2013). Masalah pembelajaran dan ilmu pengetahuan yang rendah menyebabkan masyarakat Orang Asli sukar untuk menangani isu-isu berkaitan budaya dan juga nilai yang menjelaskan identiti tradisi mereka. Tanpa pendidikan dan ilmu pengetahuan, masyarakat Orang Asli sukar untuk memelihara identiti serta nilai-nilai positif yang diamalkan serta diperturunkan daripada masyarakat terdahulu (Zainal Abidin Hj. Ali, 2008).

Pendidikan ialah suatu proses transmisi secara formal dan tidak formal ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai antara satu generasi kepada generasi yang lain (Amir Hasan Dawi, 1999). Melalui proses pendidikan, masyarakat Orang Asli telah melalui fasa integrasi atau tidak lagi hidup terasing (Ma'Rof Redzuan dan Abdul Razak Rahman, 2008). Tujuan pengintegrasian ini kerana mahukan masyarakat Orang Asli bercampur dengan masyarakat lain dan melalui proses integrasi akan timbulnya kesedaran dan perubahan minda melalui pergaulan dalam kehidupan sehari-hari (Z. M. J. Abdul Razaq Ahmad, 2009).

Kejayaan program pendidikan dan pengintegrasian Orang Asli banyak bergantung kepada Orang Asli itu sendiri. Aspek perubahan minda harus ditekankan dalam setiap program anjuran JAKOA dan seterusnya dapat mengubah corak kehidupan tradisi masyarakat Orang Asli (Huzaimah Ismail, Che Zarina Sa'ari, Ismail, & Zarina, 2005). Sebagai langkah awal untuk meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan masyarakat





Orang Asli, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil alih pengurusan sekolah dari JHEOA pada tahun 1996 (Afizi, Hanafi, Ahmad, & Ali, 2014a).

Pengambilalihan ini bertujuan untuk menyeragamkan kurikulum serta kepakaran guru-guru yang mengajar pelajar Orang Asli (Ramle Abdullah, 2012). Namun begitu JAKOA masih memainkan peranan dalam pendidikan Orang Asli seperti dalam program kesedaran, khidmat nasihat, biasiswa serta kaunseling untuk menarik minat Orang Asli terhadap kepentingan pendidikan (Mohamad Johdi Bin Salleh & Abdul Razak Ahmad, 2009). Hasil daripada usaha tersebut, pada hari ini masyarakat Orang Asli mampu berdaya saing dari segi ekonomi, pendidikan dan sosial (Wahab, Mustapha, & Talib, 2016).



Perancangan dan pembangunan pendidikan untuk masyarakat Orang Asli bukan sahaja demi meningkatkan pencapaian akademik semata, malahan juga bagi memelihara identiti serta budaya tradisional masyarakat Orang Asli (Fatan Hamamah Yahaya, 2008). Proses perancangan dan transformasi minda kepada masyarakat Orang Asli bermula di institusi pendidikan. Institusi pendidikan adalah komponen atau struktur utama yang berperanan sebagai tempat transmisi ilmu pengetahuan dan kemahiran-kemahiran yang berkaitan serta penerapan nilai-nilai yang positif (Amir Hasan Dawi, 1999).

Selaras dengan itu, JAKOA telah menujuhkan Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) di Kuala Rompin yang bertujuan untuk meningkatkan pencapaian akademik selain mengekalkan identiti budaya dan nilai murni pelajar Orang Asli (JAKOA, 2016). Dengan penubuhan PIPOA, penerapan dan pemantapan daripada segi matlamat hidup,





status sosial, nilai-nilai murni dan meningkatkan tahap kualiti pendidikan Orang Asli dapat diperkuuhkan selaras dengan objektif KPM bagi menjayakan program pendidikan Orang Asli (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1987).

Melalui penubuhan PIPOA ini juga, pihak kerajaan dan JAKOA meletakkan budaya pembelajaran, analitikal dan intelektual sebagai medium utama membangunkan modal insan masyarakat Orang Asli tanpa mengira kelas dan latar belakang (Syed Ismail bin Syed Mustapa & Ahmad Subki bin Miskon, 2010). Objektif dan matlamat yang ditekankan di PIPOA juga bertujuan untuk menerapkan nilai kekeluargaan, pengekalan budaya nilai positif, tanggungjawab, hemah tinggi, kesederhanaan serta beberapa lagi nilai murni selari dengan kajian oleh (Siti Aminah & Seow Ta Wee, 2005).



## 1.2 Latar Belakang Kajian


Orang Asli bermaksud orang asal atau yang mula-mula, dipetik daripada Bahasa Arab iaitu asali yang membawa maksud asli (Mohd Isa, 2014). Istilah Orang Asli merupakan panggilan terhadap kelompok etnik yang dipercayai mula-mula sekali dikenalpasti menetap dan bermastautin di Malaysia (Mohd Fauzi Mohd Harun & Nor Aini Hj Idris, 2009b). Pelbagai istilah bagi merujuk kepada Orang Asli di Malaysia antaranya *Aborigines*, *Asala*, *Sakai*, *The Pagan Races*, *Orang Darat*, *Orang Dalam* dan *Saudara Lama*, namun masyarakat Orang Asli lebih senang dengan panggilan Orang Asli (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, 2000).





Orang Asli di Malaysia dilindungi di bawah undang-undang Malaysia Akta 134, Akta Orang Asli 1954 (disemak 1974) yang mana perkara 3(1) mentakrifkan Orang Asli sebagai mana-mana orang yang bapanya adalah dari kumpulan Orang Asli, mengikut cara, adat dan kepercayaan Orang Asli (Ikram Jamaludin, 1997). Masyarakat Orang Asli merupakan golongan minoriti dan tinggal di kawasan pedalaman di beberapa negeri seperti Pahang, Perak, Johor, Negeri Sembilan, Kelantan dan Terengganu (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2014).

Masyarakat Orang Asli di Malaysia memiliki bahasa, nilai, tradisi, pandangan dunia dan sejarah mereka sendiri dan ianya berbeza antara satu suku kaum dengan suku kaum yang lain (Izzuddin & Ramli, 2010). Menurut Hunt (1952) ahli Antropologi telah mengkategorikan masyarakat Orang Asli kepada tiga kumpulan besar iaitu Negrito, Senoi serta Melayu Proto dan dalam kumpulan itu terdapat kumpulan etnik yang lebih terperinci. Perincian kumpulan etnik Orang Asli boleh dilihat melalui Rajah 1.1 di bawah yang mengkelaskan etnik dan suku Orang Asli.



Rajah 1.1. Kumpulan Kaum Utama dan Rumpun Bangsa (Etnik) Orang Asli di Semenanjung Malaysia





Orang Asli ialah komuniti yang terbukti kaya dengan budaya dan tradisi serta kebijaksanaan tentang pengurusan alam semulajadi (Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah, 2007b). Pengaplikasian kebijaksanaan ilmu berkaitan alam semulajadi membolehkan masyarakat Orang Asli mengenal pasti tanah dan kawasan yang sesuai untuk pertanian dan dijadikan kawasan kediaman (Rusli Zaenal, 2002). Deklarasi Rio 1992 menyatakan serta menyedari pentingnya nilai tradisi dan ilmu pengetahuan masyarakat Peribumi dipertahankan (Earth Summit, 1992).

Deklarasi Rio 1992 menyediakan satu pernyataan khusus yang menyentuh pembangunan komuniti Peribumi iaitu:

Kaum Peribumi dan komuniti mereka, dan komuniti tempatan yang lain, mempunyai peranan yang penting dalam pengurusan dan pembangunan alam sekitar kerana pengetahuan dan amalan tradisional mereka. Setiap negara hendaklah mengiktiraf dan menyokong dengan sepaututnya identiti mereka, kebudayaan dan kepentingan, serta membolehkan penglibatan mereka yang berkesan dalam mencapai pembangunan mapan (Earth Summit, 1992).

Melalui deklarasi di atas, jelas menunjukkan bahawa masyarakat hendaklah mengiktiraf dan menyokong identiti dan budaya yang diamalkan oleh masyarakat Orang Asli disamping memberi mereka ruang dalam bidang pendidikan. Pendidikan dapat menjamin kelestarian budaya, kestabilan masyarakat dan melahirkan modal insan kelas dunia (Afizi, Hanafi, Ahmad, & Ali, 2014b). Selain itu pendidikan juga ialah suatu fenomena yang bergantung kepada agama, perkembangan sains, teknologi serta persekitaran untuk melahirkan masyarakat yang berpengetahuan serta mempunyai akhlak yang baik (Sharifah Alwiah Alsagoff, 1985).





Institusi pendidikan memerlukan perubahan sistematik yang melibatkan perubahan asas budaya (Dalin, 1993). Menurut Emile Durkheim (1974) dalam bukunya *Education and Sociology* menyatakan,

“...setiap masyarakat daripada setiap perkembangan mempunyai sistem pendidikannya yang tersendiri dan mempengaruhi individu dalam masyarakat itu...”

Selaras dengan pernyataan di atas, JAKOA telah mewujudkan program PIPOA yang bermatlamat untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dari segi akademik dan sahsiah di samping menyediakan kemudahan pembelajaran yang sempurna dan kemudahan prasarana yang selesa kepada Orang Asli (JAKOA, 2016). Menurut Dewey (2005) pendidikan mengambil kira penyesuaian pembelajaran dengan keperluan komuniti dan pendekatan yang dipilih haruslah dapat menjamin masa depan komuniti tersebut.



Jadual 1.1 menunjukkan perangkaan pelajar PIPOA dari tahun 2012 sehingga 2018.

### Jadual 1.1

#### *Perangkaan Pelajar PIPOA Tahun 2012 hingga 2018*

Tahun Pengambilan Tingkatan	Tingkatan										Jumlah
	1		2		3		4		5		
Jantina	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	
2012	15	19									34
2013	14	13	15	19							61
2014	16	18	14	13	15	19					95
2015	17	14	13	16	13	13	1	0			87
2016	17	16	16	13	12	15	1	0	3	1	94
2017	16	14	11	14	13	13	0	1			82
2018	15	19	15	13	11	14	5	0	1		93

Sumber: (Pusat Intelek Pelajar Orang Asli, 2018b)





Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) adalah program pembangunan modal insan yang berada di bawah seliaan Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia dan mula beroperasi pada 1 Januari 2011 di Kuala Rompin Pahang. Matlamat serta objektif penubuhan PIPOA ialah untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dari segi akademik dan sahsiah di samping menyediakan kemudahan pembelajaran yang sempurna dan selesa kepada pelajar Orang Asli (JAKOA, 2016).

Objektif dan matlamat PIPOA yang bertujuan untuk melahirkan bilangan cerdik pandai Orang Asli menampakkan hasilnya jika merujuk kepada jadual 1.2 di bawah berkaitan rumusan pencapaian PT3. Pada tahun 2017 terdapat seramai 22 orang pelajar Orang Asli PIPOA mendapat keputusan 5A sehingga 10A dalam peperiksaan PT 3. Ini menunjukkan peningkatan peratusan daripada 78% pada tahun 2016 kepada 84% pada tahun 2017. Peningkatan peratusan ini jelas memperlihatkan bahawa program pembangunan modal insan yang ditekankan di PIPOA berjaya mencapai matlamatnya.

#### Jadual 1.2

#### *Rumusan Pencapaian Keputusan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3)*

PT3	TAHUN			
	2014	2015	2016	2017
10A				1
9A		2	1	2
8A	1	2	1	4
7A		4	4	2
6A	1	11	10	8
5A	9	5	5	5
4A	9		5	3
3A	9	2	1	1
2A	4			
1A	1			
	34	26	27	26

Sumber: (Pusat Intelek Pelajar Orang Asli, 2018a)





Selain berfungsi sebagai pusat pembelajaran, PIPOA juga mempunyai visi dan misi sebagai organisasi penggerak yang unggul dalam memajukan masyarakat Orang Asli serta melaksanakan pembangunan secara inklusif bagi meningkatkan kualiti hidup dan memartabatkan warisan yang unggul masyarakat Orang Asli (JAKOA, 2016). Sasaran penubuhan PIPOA selain daripada melahirkan pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3), ianya juga sebagai pusat yang melatih dan membentuk nilai kepimpinan yang tinggi terhadap pelajar Orang Asli.

Kejayaan PIPOA menerapkan elemen disiplin dan nilai murni berjaya membentuk pelajar Orang Asli yang cemerlang dari segi akademik dan sahsiah. Pencapaian cemerlang pelajar Orang Asli dalam PT3 adalah bukti bahawa pendekatan yang dilaksanakan berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan. Kenyataan ini dapat dibuktikan apabila melihat kepada jadual 1.3 berkaitan penempatan pelajar Orang Asli PIPOA selepas tamat PT3.

### Jadual 1.3

*Penempatan Pelajar Lepasan PT3 PIPOA 2014-2017*

Bil	Penempatan Sekolah	Bilangan Pelajar			
		2014	2015	2016	2017
1	Maktab Rendah Sains Mara	15	14	7	4
2	Sekolah Berasrama Penuh				1
3	Maktab Tentera Diraja	1	3	2	4
4	Kolej Permata Pintar Negara			1	
5	SM Teknik	1			
6	Kolej Vokasional	6	2	1	1
7	Sekolah Harian	11	6	17	16
	Jumlah Pelajar	34	26	27	26

Sumber: (Pusat Intelek Pelajar Orang Asli, 2018a)





Untuk memastikan kecemerlangan dari segi akademik dan sahsiah, PIPOA menjalankan program modal insan seperti kelas bimbingan kecemerlangan, kelas fardhu ain, kem jati diri, program motivasi, program kemasyarakatan dan beberapa program lain yang bertujuan untuk melahirkan pelajar Orang Asli yang mempunyai matlamat hidup dan hala tuju yang jelas demi masa depan. Tapisan dan syarat kemasukan ke PIPOA antaranya lulus sekurangnya 3A dalam peperiksaan UPSR dan aktif dalam kegiatan kurikulum dan kokurikulum menjadikan PIPOA sebagai medan untuk melahirkan generasi pelajar Orang Asli yang cemerlang dari segi akademik dan peribadi.

Pendidikan masyarakat Orang Asli bersifat spesifik bagi konteks tempatan, holistik dan berteraskan nilai serta budaya (Atker, 1993). Merujuk kepada kenyataan di atas, program modal insan di PIPOA dibentuk supaya pelajar Orang Asli mempunyai taraf pendidikan yang baik serta berjaya menanam sikap positif dan bernilai murni. Melalui sistem pendidikan yang sesuai dengan kebudayaan dan amalan tradisi mereka, pelajar Orang Asli dapat membentuk keperibadian, nilai-nilai murni dan cara berbudaya mereka mampu dikekalkan dan diturunkan dari satu generasi ke generasi yang baharu (Hood Salleh, 1977).

PIPOA juga berperanan membentuk keperibadian, nilai murni dan cara berbudaya dan matlamat PIPOA ini selari dengan kajian oleh Biermann (2008) yang menyatakan pendidikan Orang Asli juga bertujuan untuk menghormati, menyokong dan mengiktiraf ilmu, bahasa, warisan dan komuniti Orang Asli. Warisan budaya bertindak sebagai *survival kit* untuk masyarakat Orang Asli berhadapan dengan masalah dan kerumitan hidup dan persekitaran (Zainal Kling, 2003). Pengukuhan nilai melalui persekitaran dan





institusi pendidikan adalah matlamat kebudayaan dalam pendidikan yang sentiasa dikaitkan dengan keperluan “menjadi manusia” kepada anggota baru dalam masyarakat (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2002).

Dengan kewujudan PIPOA ianya menjadi asas kepada pembangunan karakter dan pengukuhan perpaduan selain menyediakan peluang kepada pelajar Orang Asli untuk menjalankan hubungan sosial, menjadi pelajar yang berjaya serta mengambil bahagian dalam program pembangunan modal insan di PIPOA. Kajian oleh Sharifah Alwiah Alsagoff (1985) juga menyatakan melalui persekitaran individu dapat mempelajari cara-cara masyarakatnya dan ia adalah satu istilah kolektif yang digunakan oleh seseorang individu memperolehi nilai, kepercayaan, norma dan ciri masyarakatnya.



### 1.3 Pernyataan Masalah

Identiti adalah “*mental image*” yang menjadi pemangkin kepada penjanaan dan penghasilan generasi pelajar yang memahami makna tanggungjawab terhadap agama, peribadi, masyarakat dan nilai murni (Azhar Hj. Wahid & Zawawi Jahya, 2009). Identiti juga bertujuan untuk melahirkan pelajar yang mempunyai nilai murni, berdisiplin dan bermotivasi tinggi bermula dengan ilmu pengetahuan (Awang Had Salleh, 1985). Dengan adanya ilmu, masyarakat akan mengalami anjakan paradigma dan berubah mengikut peredaran zaman sambil mengekalkan budaya dan warisan semasa (Atan Long, 1979).





Pengaruh budaya telah menyempitkan pemikiran Orang Asli untuk menerima perubahan serta mengubah gaya dan taraf hidup (Mohamad Johdi Bin Salleh & Abdul Razak Ahmad, 2009). Kepercayaan animisme serta budaya tradisi masyarakat Orang Asli banyak mempengaruhi kehidupan mereka. Walaupun begitu, terdapat juga kajian yang menunjukkan masalah keruntuhan akhlak dan moral di kalangan Orang Asli. Masyarakat Orang Asli dilihat tidak mengamalkan serta melupakan warisan tradisi kerana berubah mengikut peredaran zaman dan teknologi. Oleh kerana itu, mereka melihat budaya dan nilai tradisi adalah sesuatu yang tidak mempunyai makna dalam kehidupan mereka (Hood Mohd Salleh, 2006a).

Kajian oleh Siti Aminah & Seow Ta Wee (2005) menyatakan aspek budaya masyarakat Orang Asli seperti adat resam, sewang, identiti dan simbol telah terhakis akibat diancam oleh program pembangunan yang semakin pesat. Kesan dari pembangunan dan tiadanya ilmu di kalangan masyarakat Orang Asli, nilai-nilai baru dan asing kian meresap dan menjadi ancaman kepada identiti tradisi masyarakat Orang Asli. Perkara ini terjadi kerana masyarakat Orang Asli tiada ilmu pengetahuan tentang bagaimana cara untuk menjaga warisan tradisi yang diwarisi sejak turun temurun.

Selain daripada itu, program transformasi dan integrasi seperti Rancangan Penempatan Semula masyarakat Orang Asli juga menyebabkan berlakunya hakisan terhadap nilai dan amalan tradisional Orang Asli (Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah, 2007a). Program transformasi yang dilaksanakan terhadap Orang Asli tanpa berlandaskan ilmu pengetahuan menyebabkan masyarakat Orang Asli hilang identiti asal mereka disamping amalan semasa dan pengetahuan tradisi mereka lenyap bersama arus





kemodenan. Perkara ini dapat dilihat apabila generasi muda Orang Asli kurang berminat untuk mengamalkan dan mempelajari budaya tradisi seperti kesenian dan ukiran patung (Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah, 2007b).

Faktor kekeluargaan masyarakat Orang Asli juga adalah salah satu isu dan cabaran terbesar yang perlu ditangani. Masyarakat Orang Asli adalah sebuah masyarakat yang mementingkan hubungan kekeluargaan dan perhubungan sosial mereka antara keluarga dan suku kaum sangat rapat (Sulaiaman & Abdullah, 2010). Oleh kerana itu segala bentuk pembelajaran dan ilmu pengetahuan diterapkan daripada satu generasi ke generasi yang lain. Oleh kerana mempunyai taraf pendidikan yang rendah, ibu bapa masyarakat Orang Asli tidak mampu untuk membantu anak-anak mereka dalam pelajaran dan juga menerapkan kepentingan memelihara budaya dan nilai terhadap anak-anak mereka.



Disamping mempunyai tahap pendidikan yang rendah, ibu bapa masyarakat Orang Asli juga tidak berminat dengan pendidikan malah mereka melihat sekolah hanya tempat anak mereka bermain dan makan (Mohamad Johdi Bin Salleh & Abdul Razak Ahmad, 2009). Tanggapan negatif terhadap pendidikan menyebabkan masyarakat Orang Asli terus terpinggir dalam bidang pendidikan dan menyebabkan mereka sukar untuk mengubah taraf kehidupan mereka (Krishnasamy, 2013). Sikap dan cara berfikir masyarakat Orang Asli ini menyebabkan wujudnya cabaran dalam memelihara budaya dan nilai tradisi Orang Asli.





Selain dari faktor sikap, faktor penghalang seperti geografi antara punca menjaskan pencapaian akademik dan menyebabkan kemerosatan nilai murni dan moral pelajar (T. Marimuthu, 1990). Kehidupan Orang Asli sangat rapat dengan persekitaran. Faktor persekitaran dan berada jauh di kawasan pedalaman menyebabkan mereka selesa dengan corak kehidupan yang ringkas (Afizi et al., 2014b). Oleh kerana sering membantu ibu bapa mencari hasil hutan, pelajar-pelajar Orang Asli di pedalaman kerap tidak hadir ke sekolah dan perkara ini memberi kesan kepada ilmu pengetahuan mereka dan menyebabkan mereka mudah dipengaruhi oleh budaya-budaya negatif.

Sistem pendidikan dan persekitaran sekolah yang tidak sesuai dengan budaya pelajar Orang Asli menyebabkan mereka hilang minat untuk ke sekolah (Izzuddin & Ramli, 2010). Persekitaran sekolah yang tidak kondusif seperti jauh dari penempatan asal Orang Asli menyebabkan pelajar Orang Asli tidak berminat untuk menamatkan pendidikan formal. Selain persekitaran sekolah, masalah keciciran pelajar Orang Asli ialah kerana kegagalan pelajar Orang Asli untuk beradaptasi bersama kaum lain (Mazdi, Jabil, & Rosmiza, 2014). Kurikulum yang diajar di sekolah juga tidak sesuai dengan budaya masyarakat Orang Asli menyebabkan mereka hilang minat untuk bersekolah.

Ilmu tradisi masyarakat Orang Asli terdiri daripada sistem pengetahuan, kreatif, inovasi, nilai dan ekspresi kebudayaan yang memberi kesan kepada kehidupan sehari-hari mereka. Ianya sesuatu yang sangat berharga dan hanya melalui ilmu pengetahuan adalah cara yang terbaik untuk melindungi kebudayaan tradisi itu dari ancaman budaya luar (Rohaini, 2015). Penerapan menerusi elemen pendidikan dilihat sebagai salah satu strategi penting untuk menyelamatkan, menyebarkan, meningkatkan kesedaran serta





memperkuuhkan ilmu berkaitan dengan warisan, budaya dan seterusnya mampu memupuk rasa menghargai nilai sepunya di kalangan masyarakat setempat (Ong Puay Liu, 2010).

Proses pendidikan bagi Orang Asli adalah pembelajaran sepanjang hayat yang membantu menyokong kemapanan hidup masyarakat Orang Asli (Mohd Nazri Abdul Rahman, 2014). Melalui elemen pendidikan, penerapan nilai murni ditekankan selari dengan objektif FPK kerana individu atau kumpulan itu secara emosinya terikat dengan nilai-nilai, terutamanya pada nilai murni dan budaya (JAKOA, 2016). Kepelbagaiannya adat, nilai murni serta budaya tradisi Orang Asli boleh dikekalkan melalui pemahaman dan ilmu pengetahuan terhadap kepentingan menjaga warisan tradisi (Siti Aminah & Seow Ta Wee, 2005).



Melalui pemupukan budaya dan nilai murni dalam bidang pendidikan ke atas pelajar Orang Asli, budaya dan nilai murni tradisi masyarakat Orang Asli dapat dipertahankan (Mohamad Johdi Bin Salleh & Abdul Razak Ahmad, 2009). Dalam sistem pendidikan yang cuba diterapkan kepada pelajar Orang Asli, ianya mampu melahirkan pelajar Orang Asli insan yang baik, menyeluruh dan bersepada dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (Mesir, Yatim, Aziz, Jamal, & Abideen, 2006). Justeru itu kepentingan penghayatan budaya dan nilai murni dalam kalangan pelajar Orang Asli amat penting kerana nilai murni dan budaya yang dihayati itu akan menentukan jenis manusia yang diingini oleh sesebuah negara (Latifah Abdul Majid, Wan Nasryrudin Wan Abdullah, & Nurul Hidayah Ahmad Zakhi, 2012).





Berdasarkan teori sosiologi pendidikan, perkembangan pendidikan dapat membentuk nilai murni, intelektual dan kemahiran fizikal serta mampu melahirkan generasi yang beridentiti (T.Marimuthu, 1990). Oleh yang demikian kajian tentang pengekalan identiti budaya dan nilai murni pelajar Orang Asli di PIPOA dapat mengenalpasti elemen-elemen budaya dan nilai murni yang diterapkan serta diamalkan oleh pelajar-pelajar Orang Asli di PIPOA. Pengetahuan yang mendalam tentang budaya dan nilai murni pelajar Orang Asli juga boleh menyumbang ke arah pemahaman objektif, matlamat dan peranan PIPOA.

Peranan PIPOA sebagai Pusat Intelek untuk pembangunan pendidikan adalah usaha memberi kesedaran kepada pelajar Orang Asli tentang kepentingan ilmu pendidikan bagi membebaskan masyarakat Orang Asli dari belenggu kemiskinan dan kemunduran sekali gus memartabatkan harga diri mereka disamping mengekalkan budaya dan tradisi yang diwarisi. Namun malangnya sehingga ke hari ini pencapaian Orang Asli dalam bidang pendidikan masih terlalu rendah jika dibandingkan dengan pencapaian daripada kaum lain di Malaysia.

Pencapaian yang rendah dalam pendidikan berlaku kerana sistem pendidikan yang disediakan tidak selari dengan minat dan persekitaran pelajar Orang Asli sehingga membuatkan mereka tidak minat untuk ke sekolah (Hassan Mat Nor, 1997). Justeru peranan PIPOA sebagai pusat pembangunan modal insan pelajar Orang Asli perlu dilihat dan dikaji untuk mendapatkan maklumat yang tepat tentang bentuk pengurusan, kemudahan yang disediakan serta kaedah yang digunakan oleh pihak PIPOA yang





berjaya melahirkan pelajar Orang Asli cemerlang dari konteks pendidikan dan pengekalan identiti budaya serta nilai murni.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini dilakukan untuk:

- 1.4.1 Mengenalpasti kepentingan pengekalan identiti budaya dan nilai murni pelajar Orang Asli di PIPOA.
- 1.4.2 Mengenalpasti peranan PIPOA dalam pengekalan identiti budaya dan nilai murni pelajar Orang Asli.
- 1.4.3 Mengenalpasti pengaruh PIPOA dalam pengekalan identiti budaya dan nilai murni pelajar Orang Asli.
- 1.4.4 Mengenalpasti penerimaan pelajar Orang Asli terhadap peranan PIPOA dalam pengekalan identiti budaya dan nilai murni.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian di atas, kajian ini adalah untuk menjawab persoalan-persoalan yang juga dibahagikan kepada dimensi penting seperti berikut:

- 1.5.1 Apakah kepentingan pengekalan identiti budaya dan nilai murni pelajar Orang Asli di PIPOA?






- 1.5.2 Bagaimakah peranan PIPOA dalam pengekalan identiti budaya dan nilai murni pelajar Orang Asli?
- 1.5.3 Bagaimakah pengaruh PIPOA dalam pengekalan identiti budaya dan nilai murni pelajar Orang Asli?
- 1.5.4 Bagaimakah penerimaan pelajar Orang Asli terhadap peranan PIPOA dalam pengekalan identiti budaya dan nilai murni?

## 1.6 Kerangka Teoritikal Kajian

Pendidikan adalah agenda penting untuk pembangunan sosial negara selain membina aspek-aspek moral individu dan masyarakat (Musgrave, P.W., 1978). Kepentingan memperkasakan elemen-elemen nilai murni dan moral dalam aspek pendidikan adalah satu keutamaan bagi mencorakkan masyarakat dan negara. Ahli-ahli sosiologi seperti Weber, Durkheim, Musgrave, Eggleston dan Rex menekankan peri pentingnya pendidikan dalam mencorak tindakan sosial dan moral bagi mengatasi krisis sosial yang dihadapi oleh masyarakat (Sumintono, Tahir, Anuar, & Rahman, 1980). Lickona (1997) menjelaskan bahawa fungsi tradisional pendidikan ialah mencorakkan perkembangan watak seseorang.





Sumber: (Bronfenbrenner, U., Morris, 1998).

Rajah 1.2. Model Teori Ekologi

Rajah 1.2 di atas adalah Teori Ekologi yang dikembangkan oleh (Bronfenbrenner, U., Morris, 1998). Dalam teori ini iaanya menekankan pengaruh persekitaran ke atas

individu dimana pengaruh persekitaran akan mempengaruhi perkembangan karakter pelajar (Mujahidah, 2015). Menurut teori oleh Bronfenbrenner, U., Morris, (1998), terdapat lima sistem yang mempengaruhi perkembangan pelajar iaitu mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem dan kronosistem.

i. Mikrosistem

(Institusi atau agen yang terlibat secara langsung dan rapat dengan pelajar seperti ibu bapa dan sekolah).

ii. Mesosistem

(Hubungkait antara sistem mikro dengan institusi lain seperti persekitaran rumah serta persekitaran sekolah).

iii. Eksosistem

(Perkaitan yang tidak secara langsung contohnya perkembangan pelajar dengan kepuasan kerja ibu bapa).

iv. Makrosistem



(Sistem yang memberi kesan kepada keseluruhan sistem yang lain seperti dasar yang ditetapkan oleh kerajaan contohnya dasar pembasmian kemiskinan dan dasar pemodenan atau perbandaran).

v. Kronosistem

(Sistem yang berkaitan dengan perubahan sesuatu keadaan dalam suatu tempoh masa seperti perkembangan teknologi maklumat (ICT) yang dicapai oleh sesebuah negara.

(Bronfenbrenner, U., Morris, 1998)

Untuk kajian pengekalan identiti budaya dan nilai murni pelajar Orang Asli di PIPOA, penyelidik akan merujuk kepada sistem yang pertama dalam Teori Ekologi iaitu mikrosistem. Mikrosistem melibatkan persekitaran yang terdekat yang mana pelajar Orang Asli mempunyai interaksi dalam persekitaran yang kecil. Sebagai contoh, interaksi antara pelajar dan rakan sebaya di PIPOA, interaksi antara pelajar Orang Asli dan kakitangan di PIPOA, interaksi antara pelajar Orang Asli dan masyarakat serta akhir sekali interaksi antara pelajar Orang Asli dan guru. Interaksi ini dapat mempengaruhi tingkah laku dan personaliti seseorang dan memberi pengaruh besar terhadap perkembangan minda dan emosi pelajar (Zainal, 2008).

Oleh kerana pelajar Orang Asli menjadikan PIPOA sebagai mikrosistem mereka untuk membina identiti dan karakter, PIPOA berperanan membentuk budaya dan akhlak pelajar semasa di asrama PIPOA dengan menerapkan unsur-unsur kerohanian. Selain PIPOA, peranan kakitangan dan guru-guru juga bertindak sebagai salah satu komponen dalam mikrosistem untuk pelajar Orang Asli di PIPOA. Kakitangan serta guru haruslah peka terhadap perkembangan dan emosi pelajar di PIPOA. Ini kerana PIPOA adalah persekitaran yang membentuk perkembangan minda dan emosi pelajar-pelajar Orang Asli






untuk menjadi insan yang mempunyai jati diri serta bermoral seperti kajian oleh (Mujahidah, 2015).

Selain mempunyai jati diri dan nilai murni, PIPOA juga berperanan untuk membentuk tingkah laku serta membantu pelajar membina keperibadian yang positif serta melaksanakan peneguhan identiti melalui konsep nasihat serta bimbingan. Dalam teori ini juga menekankan bahawa tingkah laku dapat diubah suai dengan cara peneguhan yang sistematik (Zainal, 2008). Konsep ini dapat dilihat di PIPOA apabila setiap pelajar wajib menepati masa, menjalani latihan kawad kaki setiap petang dan sebelum ke sekolah serta penekanan terhadap budaya menghormati kakitangan PIPOA dan guru yang hadir ke kelas tambahan pada waktu malam.



PIPOA juga berfungsi sebagai persekitaran yang membentuk keperibadian pelajar Orang Asli. Melalui PIPOA, pelajar Orang Asli diajar untuk mengekalkan budaya dan nilai murni. Elemen akademik dan disiplin yang diterapkan di PIPOA berjaya membentuk pelajar Orang Asli menjadi insan yang berkarisma dan berdisiplin tinggi. Nilai murni dan disiplin yang ditekankan di PIPOA seperti tanggungjawab, hemah tinggi, hidup secara aman, kesederhanaan dan beberapa lagi nilai murni dan budaya adalah teras kepada program yang diajar di PIPOA.





Rajah 1.3. Pengekalan Identiti Budaya dan Nilai Murni Pelajar Orang Asli di PIPOA  
Adaptasi Dari Teori Ekologi.

Rajah 1.3 di atas adalah perhubungan antara peranan PIPOA dalam pengekalan identiti budaya dan nilai murni pelajar Orang Asli dengan Teori Ekologi Bronfenbrenner,

U., Morris, (1998) yang menekankan kepentingan pendidikan dalam membentuk identiti pelajar. Penyelidik merujuk kepada teori dari Bronfenbrenner, U., Morris, (1998) sebagai asas teori untuk mengkaji pengekalan identiti budaya dan nilai murni pelajar Orang Asli di PIPOA kerana melalui teori ini penyelidik yakin bahawa dengan pendidikan, penerapan program serta aktiviti dan bimbingan dari ibu bapa, guru-guru dan kakitangan PIPOA akan melahirkan pelajar Orang Asli yang berkeyakinan serta percaya kepada kemampuan diri selaras dengan kajian oleh (Noornajihan Jaafar & Ab Halim Tamuri, 2013).

Selain menerapkan keyakinan dan kepercayaan kepada kemampuan diri, program-program di PIPOA juga dirangka bagi mendedahkan pelajar Orang Asli dengan persekitaran yang berperanan untuk pembentukan nilai murni dan peribadi pelajar yang unggul. Aktiviti-aktiviti seperti hari bertemu ibu bapa, kelas tambahan, solat berjemaah,



kawad kaki, aktiviti sukan, gotong royong dan pelbagai bentuk program yang dirangka bagi membentuk keperibadian positif pelajar Orang Asli agar sikap tradisi mereka seperti pemalu, memenculkan diri dan tidak pandai bergaul dapat diubah kepada sifat yang lebih positif (Mohamad Johdi Bin Salleh & Abdul Razak Ahmad, 2009).

Kajian oleh Hooper, L. M & Newman (2011) menyatakan keakraban bersama rakan sebaya merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi tingkahlaku yang positif dan membantu dalam proses kematangan pelajar untuk mengurus perubahan emosi, mengawal kemarahan serta merangsang perkembangan tingkahlaku pelajar. Pendedahan kepada amalan positif di PIPOA akan menghasilkan pengalaman, bentuk asuhan, tingkahlaku pelajar yang positif mengikut acuan yang diterapkan oleh PIPOA. Kesannya dari pendedahan yang positif ianya akan membentuk pelajar Orang Asli yang mempunyai identiti budaya dan nilai murni yang baik.

Berasaskan teori, model dan dapatan kajian terdahulu, penyelidik menggarapkan kerangka konseptual pengekalan identiti budaya dan nilai murni pelajar Orang Asli di PIPOA yang menggunakan Teori Ekologi (Bronfenbrenner, U., Morris, 1998). Rajah 1.4 menunjukkan isu dan masalah yang dihadapi oleh pelajar Orang Asli untuk berjaya dalam akademik selain berjaya mengekalkan identiti serta budaya dan nilai tradisi masyarakat mereka.





## ISU

Pembangunan membawa perubahan kepada sosiobudaya masyarakat Orang Asli



## MASALAH

- Difusi budaya dan persekitaran menyebabkan pelajar Orang Asli melupakan budaya dan nilai tradisi
- Peranan keibubapaan yang kurang mengambil berat hal pendidikan
- Persekitaran dan kurikulum sekolah yang tidak sesuai dengan pelajar Orang Asli



## PUSAT INTELEK PELAJAR ORANG ASLI (PIPOA)

- Pendidikan
  - ✓ Melahirkan pelajar cemerlang dalam PT3
  - ✓ Membentuk pelajar yang mempunyai ciri kepimpinan
  - ✓ Melahirkan pelajar yang mempunyai matlamat dan hala tuju
  - ✓ Melahirkan pelajar cemerlang dan generasi terbilang
- Budaya dan nilai murni
  - ✓ Pemeliharaan pengetahuan tradisi
  - ✓ Penerapan elemen budaya dan nilai murni
  - ✓ Mendedahkan pelajar dengan warisan budaya dan nilai tradisi



## MATLAMAT

Pengekalan identiti budaya dan nilai murni pelajar Orang Asli di PIPOA

Rajah 1.4. Kerangka Konseptual Kajian

Rasional kepada pemilihan model yang telah dibina oleh Bronfenbrenner, U., Morris, (1998) adalah kerana ianya sesuai digunakan sebagai asas kerangka teoritikal kajian kerana model ini menggambarkan bagaimana dengan adanya elemen nilai murni dalam persekitaran pendidikan akan melahirkan pelajar yang mempunyai kematangan emosi, pemikiran serta perasaan yang positif dan ianya sesuai dengan FPK dan objektif





pendidikan Orang Asli yang mahukan pelajar Orang Asli berilmu, berdaya saing dan mempunyai kemahiran disamping mempunyai jati diri budaya dan nilai setempat (Laporan Tahunan JHEOA, 2010).

Melalui Teori Ekologi oleh Bronfenbrenner ini banyak yang boleh dirungkai mengenai perkaitan antara proses pembelajaran dan persekitaran pendidikan. Ianya dapat dilihat bermula daripada interaksi monolog yang melibatkan institusi kanak-kanak dengan dirinya sendiri sehingga pula pembelajaran berasaskan ahli keluarga dan sekolah. Selain itu penerapan norma dan budaya dalam persekitaran pembelajaran juga mampu menjadi panduan dalam proses pembelajaran dan pendidikan tradisi (Mazzlida bt Mat Deli, Salbiah bt Mohamed Salleh, 2016). Proses perkembangan nilai murni yang dipelajari ini dapat memupuk, menanam, mendedahkan isu dan nilai murni dapat memberi kesan positif terhadap pembentukan identiti pelajar.

Model ini mempunyai beberapa kelebihan iaitu (i) penilaian boleh dilaksanakan sama ada sebelum, semasa atau selepas penyelidikan dijalankan (ii) penyelidik boleh memilih sama ada ingin menggunakan keempat-empat dimensi atau salah satu dimensi yang sesuai untuk melihat perkaitan antara falsafah nilai murni dalam pendidikan dengan hubungan dalam membentuk individu (iii) Maklumat yang dikumpulkan dijadikan panduan untuk penyelidik membuat perancangan, penyusunan, pelaksanaan dan penghasilan kajian penyelidikan (iv) hasil daripada maklumat yang diperolehi akan memandu penyelidik sama ada untuk meneruskan, menukar atau menghentikan penyelidikan. (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2002).






Penyelidik yakin hasil dapatan kajian dari proses penyelidikan ini akan mampu menghasilkan dapatan yang komprehensif dan teratur kerana pendekatan ini menjelaskan spesifikasi yang boleh dinilai. Melalui pendekatan yang merujuk kepada model ini, pelajar, ibu bapa dan PIPOA boleh memanfaatkan pelbagai teknik pembelajaran dan mampu untuk memahami pelajar dan persekitaran yang dilalui oleh mereka dengan lebih baik. Persekitaran dan latar belakang keluarga yang berbeza juga menjadi faktor kepada penerimaan pelajar terhadap sesuatu keadaan dan berdasarkan model ini, penyelidik menggambarkan bahawa setiap pelajar mempunyai keistimewaan masing-masing.

Justeru itu penyelidik membuat kerangka kerja kajian rajah 1.5 untuk memandu penyelidik menjalankan kajian berlandaskan objektif dan persoalan kajian. Penekanan kepada persoalan kajian dan objektif amat diberi perhatian supaya dapatan kajian boleh dijadikan sebagai bahan rujukan baharu kepada penyelidik dan pembuat dasar. Melalui dapatan kajian ini, nilai dan budaya yang ditemui semasa proses penyelidikan akan menjawab tentang kejayaan PIPOA sehingga berjaya mencorakkan kebudayaan atau norma pelajar Orang Asli di PIPOA.





Rajah 1.5. Kerangka Kerja Kajian



## 1.7 Kepentingan Kajian

Dapatkan kajian ini memberikan gambaran dan maklumat tentang pengekalan identiti budaya dan nilai murni pelajar Orang Asli yang dikenalpasti di Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) Kuala Rompin Pahang berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan dalam Objektif Pendidikan Orang Asli (Laporan Tahunan JHEOA, 2010). Selain itu hasil kajian ini juga boleh dijadikan panduan atau asas kepada pengurusan JAKOA dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam merangka dasar atau program yang seumpamanya seperti PIPOA.

Hasil penyelidikan ini juga boleh dijadikan sebagai maklumat asas dalam meningkatkan pemahaman dan membangunkan program seumpama PIPOA di seluruh Malaysia bagi meningkatkan keterlibatan Orang Asli dalam pendidikan. Di samping itu kajian ini juga dapat menyumbang kepada perancangan pihak Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK) untuk merangka mekanisme baru dalam pendidikan berkaitan Orang Asli.

Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai asas kepada kursus latihan dalam perkhidmatan di kalangan guru-guru yang mengajar sekolah Orang Asli di seluruh Malaysia. Melalui hasil kajian ini, pihak KPM juga boleh membuka peluang kepada guru-guru yang mengajar pelajar Orang Asli untuk menyambung pelajaran di peringkat ijazah sarjana pendidikan atau ijazah doktor falsafah berkaitan kajian masyarakat Orang Asli secara separuh masa atau sepenuh masa untuk mencapai tahap kompetensi yang tertinggi.





## 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengekalan identiti budaya dan nilai murni pelajar Orang Asli di PIPOA dengan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur dan kaedah pemerhatian. Akibat daripada wujudnyakekangan dari segi masa dan kewangan, kajian ini hanya menjalankan penyelidikan di PIPOA Kuala Rompin sahaja. Manakala responden yang terlibat bagi kajian ini ialah Ketua Unit PIPOA, GPK HEM SMK Rompin Permai dan pelajar tingkatan empat, tiga dan dua. Kajian ini hanya dijalankan kepada pelajar-pelajar Orang Asli di PIPOA sahaja dan kajian ini tidak boleh dibandingkan dengan hasil dapatan kajian yang menjalankan kajian pada masyarakat atau pelajar selain dari pelajar Orang Asli.



Pemilihan pelajar tingkatan empat, tiga dan dua di PIPOA sebagai subjek kajian kerana mereka terpilih berdasarkan keputusan UPSR yang baik disamping PIPOA adalah program rintis bagi Pusat Intelek Pelajar Orang Asli di Malaysia. Selain itu, penyelidik juga menemubual guru-guru yang ditugaskan untuk memberi kelas tambahan di PIPOA kerana guru-guru ini adalah pelaksana terhadap program-program kebudayaan dan akademik di PIPOA. Walaupun dapatan kajian ini terbatas kepada penilaian di PIPOA Kuala Rompin sahaja, namun hasilnya boleh dijadikan rujukan kepada JAKOA dan KPM dalam merangka program seumpamanya.





## 1.9 Definisi Operasional

Menerusi kajian ini beberapa definisi operasional dijelaskan mengikut konteks kajian.

Beberapa definisi yang ada kaitannya dengan masalah kajian, rasional dan tujuan akan dikemukakan dalamuraian di bawah untuk menentukan ketepatan dan kekemasan kajian ini.

### Orang Asli

Orang Asli merupakan panggilan terhadap satu kelompok etnik yang terawal ditemui di Malaysia. Istilah ini merupakan istilah Melayu untuk perkataan Inggeris *aborigines*.

(Mohd Fauzi Mohd Harun & Nor Aini Hj Idris, 2009a). Oleh kerana panggilan aborigines membawa maksud yang negatif seperti mundur, tidak membangun dan primitif, maka kerajaan telah menukar perkataan itu kepada Orang Asli semenjak tertubuhnya JHEOA pada tahun 1954 (Carey, 1976).

### Pendidikan

Pendidikan merangkumi proses pengajaran dan pembelajaran kepakaran khusus dan juga sesuatu yang tidak dapat dilihat tetapi lebih mendalam iaitu pemberian pengetahuan, pertimbangan dan kebijaksanaan. Salah satu asas matlamat pendidikan adalah untuk mengajar kebudayaan melangkaui generasi dan dalam pendidikan sesebuah masyarakat memerlukan sistem nilai murni yang dikembangkan dan disuburkan supaya warganya





memiliki etika yang tinggi dalam kehidupan (Hussin Sarju, Rohana Hamzah, & Amirmudin Udin, 2010).

### **Pendidikan Orang Asli**

Pendidikan Orang Asli merangkumi identiti, keterkaitan, keterangkuman, ketimbalbalikan, pemupukan dan menghormati (Hassan Mat Nor, 1997). Kesemua nilai ditakrifkan seperti identiti ialah belajar tentang diri sendiri untuk mengenali diri sendiri sebagai asas pembelajaran sepanjang hayat. Keterkaitan pula ialah memperluas identiti diri dengan memupuk rasa kepunyaan manakala keterangkuman pula ialah mengiktiraf serta memberi perhatian sewajarnya terhadap identiti, pengalaman dan perspektif unik Peribumi. Bagi ketimbalbalikan pula menekankan unsur menjalin hubungan yang sihat serta pemupukan ialah memupuk sifat ambil berat, pemurah, sabar dan akhir sekali menghormati ialah nilai menerima dan mengiktiraf (Mustaffa Omar, 2012).

### **Matlamat pendidikan**

Matlamat pendidikan ialah untuk membangunkan manusia berdasarkan fitrah dan melahirkan kehormatan diri. Melalui fitrah itu akan lahirlah insan yang mendokong kepada prinsip keadilan dan kebenaran (Sidek Baba, 2007). Pendidikan juga bermatlamat untuk mendidik manusia berfikir secara rasional, bebas dan baik serta dapat menyelesaikan masalah dengan berkesan (Abdul Fatah Hassan, 2003).





## Dasar Pembangunan Pendidikan Orang Asli

Pembangunan pendidikan Orang Asli melibatkan penyediaan kemudahan asas, asrama dan perumahan guru di sekolah-sekolah Orang Asli serta mengatasi isu-isu pendidikan dengan melaksanakan program *stay with the school* dikalangan pelajar Orang Asli. Selain membina kemudahan asrama di sekolah-sekolah Orang Asli serta melengkapkan kemudahan asas, dasar pembangunan pendidikan Orang Asli juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa tentang kepentingan pendidikan (Zainal Abidin Hj Ali, 2012).

## Pembangunan Sosial Untuk Orang Asli



Pembangunan sosial merupakan usaha untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti, melakukan proses integrasi penambahbaikan sosial dengan perkembangan ekonomi serta memastikan semua anggota masyarakat mengambil bahagian dalam proses pembangunan negara. Pembangunan sosial juga adalah suatu proses perubahan institusi yang terancang untuk memenuhi keperluan manusia dan aspirasi program dasar sosial (Fadzil et al., 2016).

## Sosiobudaya Masyarakat Orang Asli

Sosiobudaya ditakrifkan sebagai hubungan masyarakat dengan cara hidup, adat istiadat dan seumpamanya untuk membentuk sebuah masyarakat yang hidup berpandukan peraturan, adat dan pantang larang (Siti Fatiemah & Jama'yah, 2013). Masyarakat Orang





Asli kaya dengan adat resam dan budaya kerana lingkungan hidup mereka masih berkait rapat dengan alam semulajadi (Mohammad Aslam & Abdullah, 2004). Adat dan kepercayaan mereka mempengaruhi hubungan yang rapat dengan makhluk-makhluk ghaib di alam semesta ini. Masyarakat Orang Asli kebanyakan mengamalkan aktiviti pindah-randah dengan mencari hasil hutan, memburu dan menangkap ikan (Carey, 1976). Bagi kaum wanita pula, mereka mahir menghasilkan kraftangan yang diperbuat daripada bahan-bahan mentah yang diperolehi dari persekitaran tempat tinggal mereka (Mohammad Aslam & Abdullah, 2004).

### **Nilai Murni Masyarakat Orang Asli**

Masyarakat Orang Asli mempunyai nilai murni yang melambangkan identiti dan jati diri masyarakat. Nilai murni merupakan satu bidang kebudayaan yang dapat menghuraikan pelbagai isu dan persoalan tentang sosiobudaya sesuatu masyarakat (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2001). Nilai murni dalam kehidupan masyarakat Orang Asli dapat mempengaruhi pelbagai perkara dan perkembangan hidup, kebudayaan, ketamadunan, kemajuan, kemunduran, krisis dan permasalahan serta kekuatan dan kelemahan (Mahadi & Sino, 2008).

### **Identiti Orang Asli**

“Identiti merupakan satu karakteristik yang mempunyai sifat-sifat tersendiri atau unik yang membantu membina karakter, keperibadian atau watak bagi setiap individu dan juga bagi sebuah kelompok” (Giddens, A., 2008). Bagi masyarakat Orang Asli, identiti ialah





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi  
34

proses belajar tentang diri sendiri untuk mengenali diri sendiri sebagai asas kepada proses pembelajaran sepanjang hayat (Mustaffa Omar, 2012).

## Bahasa

Bahasa adalah sistem lambang-lambang suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia atau antara seorang individu dengan individu yang lain (T. Iskandar, 1987). Bahasa juga digunakan sebagai alat perhubungan antara kelompok-kelompok manusia bagi tujuan komunikasi antara mereka untuk menyampaikan maklumat yang tertentu bagi memenuhi kehendak masing-masing.

## Adat



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Adat ialah nilai tradisi tempatan yang mengatur perhubungan antara masyarakat. Adat juga boleh diistilahkan sebagai kebiasaan atau tradisi masyarakat yang diamalkan sejak turun-temurun. Dalam Bahasa Melayu lama, adat merujuk kepada undang-undang atau hukum adat yang merangkumi bidang sosial, ekonomi bahkan undang-undang samudera (Nordin Selat & Abdullah Hassan, 2014).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## 1.10 Kesimpulan

Bab Satu menerangkan aspek kajian penyelidik tentang pengekalan identiti budaya dan nilai murni pelajar Orang Asli di PIPOA sebagai fokus kajian. Keunikan dan kelainan PIPOA sebagai pusat akademik dan penerapan nilai murni ditonjolkan dalam penyelidikan ini. Bab ini telah menghuraikan keunikan PIPOA sebagai pusat akademik yang bukan sahaja bertindak melahirkan pelajar cemerlang, malahan turut berfungsi membina karakter serta keperibadian pelajar Orang Asli.

Permasalahan yang melingkari budaya dan nilai tradisi di kalangan generasi muda Orang Asli menggambarkan secara rasional sebab-sebab kajian ini wajar untuk dikaji dan dijadikan sebagai bahan penyelidikan. Dengan perkembangan pesat teknologi maklumat serta meluasnya jurang pencapaian antara pelajar Orang Asli dengan pelajar daripada kaum lain di Malaysia ini menyebabkan masyarakat Orang Asli semakin tercicir dalam merebut peluang sosioekonomi dan sosiobudaya di Malaysia. Justeru itu kajian pengekalan identiti budaya dan nilai murni dijalankan bagi melihat kepentingan, peranan, pengaruh serta penerimaan pelajar Orang Asli terhadap pendidikan yang diterapkan di PIPOA.

